

Dr. M beri respons positif terhadap rawatan

UM - 21/5/2001

KUALA LUMPUR 20 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dipindahkan ke wad Bunga Raya dari Unit Rawatan Koronari (CCU) Institut Jantung Negara malam tadi.

Jabatan Komunikasi Korporat IJN dalam satu kenyataan hari ini berkata,

Dr. Mahathir dipindahkan pada pukul 9.30 malam selepas doktor berpuas hati dengan respons positif beliau terhadap rawatan dan perubatan yang diberikan.

Beliau dijangka terus berada di wad IJN untuk membolehkan doktor me-

mantau keadaannya dan akan memulakan rawatan pemulihan kardiak.

Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN Selasa lepas setelah dipindahkan dari Hospital Langkawi di mana beliau dimasukkan ke wad pada Isnin setelah mengadu sesak nafas.

Masalah sesak nafas itu didiagnos doktor IJN berpunca daripada kongesi paru-paru yang dikaitkan dengan miokardial infarksi dan masalah basal bronkitis yang teruk pada paru-paru beliau.

- Bernama